



- Foto hiasan

Etika akademik penanda aras universiti awam



Oleh Profesor Emeritus Ibrahim Komoo

SEJAK muktahir ini, ramai menyuarakan pandangan pelbagai mengenai governan pengajian tinggi, terutama mengenai kepemimpinan akademik, peranan dan tanggungjawab ahli akademik, kualiti perkhidmatan, hubungan universiti dan masyarakat dan etika akademik. Ini satu perkembangan yang positif kerana masyarakat mulai memberi perhatian tinggi terhadap dunia akademik tanah air.

Universiti awam (UA) di negara kita masih terperangkap antara sebuah institusi ilmuwan berautonomi dan agensi kerajaan yang berperanan memberi perkhidmatan untuk masyarakat dan pembangunan negara. UA di Malaysia ialah sebuah institusi awam yang diwujudkan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun dan mempunyai statut universiti masing-masing, ia banyak dipengaruhi oleh wawasan institusi universiti di United Kingdom.

Pada prinsipnya, sistem pengurusan dikawal oleh dua badan yang diwujudkan secara berasingan. Pertama, sebuah majlis atau lembaga pengarah yang menentukan hala tuju perancangan pembangunan, pembangunan sumber bakat dan pengurusan kewangan. Kedua, senat universiti iaitu badan tertinggi akademik yang dianggotai oleh Naib Canselor, dekan, ketua jabatan akademik dan profesor yang menentukan

hala tuju program dan aktiviti akademik (pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan akademik).

Peranan penting universiti

Institusi universiti memainkan peranan penting dalam pembentukan citra negara sebagai suatu bangsa berilmu, berwawasan dan bertamadun. Di universiti pelbagai bentuk penyelidikan dijalankan, ilmu baharu dijana dan disebarluaskan kepada masyarakat di peringkat kebangsaan dan global, graduan berilmu dan berkemahiran tinggi dihasilkan dan pelbagai maklumat bermaklum dilontarkan untuk membimbing pemimpin politik, masyarakat dan industri supaya mereka terus berada di landasan tepat demi kemakmuran negara.

Pada hakikatnya, universiti ialah tempat lahirnya pemikiran mendahului zaman yang bakal membina tradisi, budaya dan peradaban rakyat Malaysia. Kerjaya hakiki seorang ahli akademik bermula daripada seorang graduan cemerlang dengan kelulusan tertinggi (berijazah PhD) dilantik sebagai pensyarah atau felo penyelidik.

Melalui pengalaman, hasilan dan kewibawaan akademik, beliau akan dinaikkan pangkat menjadi profesor madya, profesor dan profesor kanan. Masing-masing perlu terus menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan ilmiah bagi membolehkan mereka diperakui sebagai ilmuwan atau pakar bidang yang terserlah kesarjanaannya. Tugas asas ialah menyampaikan ilmu kepada siswazah, memberikan idea, pandangan dan perkhidmatan ilmiah untuk kepentingan negara dan global. Mereka ialah insan di hadapan sampul ilmu yang membimbing dan menunjuk jalan ke arah kebenaran dan kelebihan bersaing.

Pelantikan pengurusan akademik universiti seperti naib canselor, timbalan naib canselor dan dekan bersifat sementara, lazimnya antara tiga hingga lima tahun. Tugas utama ialah menjadi pemimpin akademik, mentor dan menyelaras aktiviti ilmiah yang dipersetujui di peringkat Senat dan Mesyuarat Fakulti.

Urusan dan tanggungjawab ahli akademik jauh berbeza dengan penjawat awam yang memberi khidmat terus kepada masyarakat. Walaupun mereka dilantik dalam sesebuah universiti, peranannya menjangkau pada peringkat

negara dan global. Oleh itu, tidak munasabah jika masyarakat mengharapkan ahli akademik sentiasa berada di pejabatnya. Mereka perlu ke lapangan menjalankan penyelidikan, ke pelbagai seminar dan persidangan untuk menyebarkan dapatan baharu dan berjumpa pelbagai kelompok pihak berkepentingan untuk berkongsi ilmu. Kehadirannya di pejabat hanya untuk menyampaikan kuliah dan membimbing siswazah, aktiviti akademik harian dan mesyuarat penting.

'Jenayah akademik'

Seperti dalam pelbagai perjawatan lain, sama ada dalam sektor awam atau swasta, ada segelintir ahlinya yang terbabit dengan perlanggaran peraturan kerja. Apabila timbul kenyataan awam, ramai kalangan ahli akademik yang tidak jujur iaitu memplagiat dan mengabaikan tugas, ini satu situasi yang luar biasa dan tidak munasabah. Tuduhan begini amat mengelirukan dan mungkin berpunca daripada beberapa kes terpencil yang dihebohkan kepada masyarakat awam atau persepsi kerana kurang memahami ekosistem perkhidmatan akademik.

Dunia akademik mempunyai pendekatan tersendiri dalam mengawal salah laku akademik iaitu berpandukan konsep etika akademik. Plagiat dan penipuan ilmiah ialah 'jenayah akademik' yang berat dan tidak boleh dimaafkan. Ahli akademik yang kurang cemerlang dan menunjukkan tandatanda mencerobohi etika akademik lazimnya dipinggirkan oleh rakan kesepakaran. Mereka tidak disyorkan untuk dinaikkan pangkat, tidak dijemput untuk memberikan ucaptama, dan tidak diundang dalam pelbagai urusan akademik.

Ahli akademik yang terbabit akan terasa hina atau terseksa dalam kedudukan begini. Dalam situasi di mana ahli akademik itu terbukti bersalah, gelaran mereka akan ditarik balik atau dipecat. Etika akademik adalah instrumen terpenting bagi mengawal kecemerlangan dan kewibawaan institusi universiti dan profesornya. Ia bersifat kepercayaan dalaman (intrinsik) bukan luaran, menjadi pegangan berpandukan nilai teras akademik.

Bayangkan jika ahli akademik iaitu kelompok ilmuwan yang melahirkan doktor, jurutera, guru, pentadbir dan usahawan yang berkemahiran tinggi

untuk membangun negara didapati tidak beretika, keseluruhan institusi universiti dan bakat yang dilahirkan akan turut jatuh dan berkecaci.

Kita tidak dapat menafikan ada segelintir ahli akademik yang terpesong dan melakukan jenayah akademik, khususnya plagiat. Bak kata pepatah, nila setitik rosak susu sebelanga atau seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit. Pengurusan universiti perlu mengambil tindakan serius untuk membendung gejala negatif begini.

Begitupun, kami percaya etika dan kewibawaan akademik masih utuh di negara tercinta ini, dan sokongan padu semua pihak diperlukan untuk mengangkat martabat UA pada kedudukan yang sebenar.

Penulis ialah Ahli Pertubuhan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT)